

27/10/2001

Pusat sokongan global StanChart mula operasi

Zainab Mohd Yatim

PUSAT sokongan kewangan global Standard Chartered Plc (StanChart) bernilai RM152 juta di Kuala Lumpur yang menyokong semua operasi cawangan bank itu di seluruh dunia sudah memulakan operasi fasa pertamanya dua minggu lalu.

Pengerusi Kumpulan Stanchart, Sir Patrick Gillam, berkata pelaburan bagi pusat sokongan yang terletak di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil itu adalah antara pelaburan terbesar StanChart di Malaysia.

"Ia akan menjimatkan StanChart sebanyak AS\$20 juta (RM76 juta) setahun apabila ia beroperasi sepenuhnya dalam tempoh dua tahun," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat keempat Jawatankuasa Perniagaan Malaysia-Britain (MBBC), di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir ialah Pengerusi Bersama MBBC, Mirzan Mahathir.

Gillam yang juga Pengerusi Bersama MBBC berkata, operasi pusat sokongan yang dilengkapi kemudahan teknologi maklumat terkini perbankan itu ketika ini dikendalikan 100 pekerja tempatan dan bilangannya akan ditambah kepada 200 tahun depan.

Apabila siap sepenuhnya, ia akan mempunyai seramai 400 orang pekerja untuk melakukan "kerja yang berkualiti tinggi", katanya.

Pusat kewangan global itu berfungsi sebagai pusat sehenti dengan menyediakan perkhidmatan sistem sokongan bagi pemprosesan pelbagai urusan berkaitan akaun dan operasi harian cawangan Stanchart di seluruh dunia.

Ini bermakna, semua pemeriksaan dokumen seperti dokumen pembiayaan perdagangan cawangan akan dikendalikan oleh pusat di Kuala Lumpur.

Selain di Kuala Lumpur, kumpulan perbankan yang berpangkalan di London itu mempunyai satu lagi pusat kewangan serupa di Chennai, India.

StanChart yang sudah beroperasi selama 126 tahun di Malaysia kini menawarkan pelbagai produk perbankan inovatif termasuk perbankan Internet bagi memenuhi keperluan pasaran perbankan di Malaysia.

(END)